

Dosa dalam kebun getah

Metro 2/6/12 MS 57

Warga emas dijel 12 tahun, tujuh sebat atas kesalahan perkosa, cabul, ugut anak saudara

>>Oleh Syah Rul
Aswari Abdullah
srul@hmetro.com.my

SHAH ALAM: Seorang penoreh getah dihukum penjara 12 tahun dan tujuh sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, selepas didapati bersalah atas lima tuduhan merogol, mencabul dan mengugut anak saudaranya berusia 13 tahun, di Serendah, dekat sini, dua tahun lalu.

Hakim Slamet Yahya menjatuhkan hukuman itu terhadap lelaki berusia 53 tahun berkenaan selepas berpuas hati tertuduh gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

Tertuduh didakwa mencabul mangsa di sebuah pondok dalam kebun getah di Ladang Guru Nanak, Serendah, pada Disember 2010.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau sebatan, atau mana-mana dua daripada hukuman itu jika sabit kesalahan.

Lelaki itu didakwa atas dua tuduhan merogol ka-

nak-kanak itu di kebun sama dan di sebuah rumah di Serendah, sekitar Disember 2010 dan 12 Januari 2011.

Tuduhan dibuat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 30 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Lelaki itu turut didakwa atas dua tuduhan mengugut mangsa dengan menggunakan parang panjang dan pisau, pada masa dan di tempat sama.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum tujuh tahun jika sabit kesalahan.

Slamet memerintahkan tertuduh dihukum penjara 12 tahun dan tujuh sebatan bagi kesalahan rogol, lima tahun (cabul) dan masing-masing tiga tahun untuk kesalahan mengugut.

Bagaimanapun, beliau memerintahkan hukuman penjara berjalan serentak mulai tarikh tangkap lelaki itu.

Pada prosiding semalam, pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya,

Wan Noora Nisa Ngadirin, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.

Terdahulu, Wan Noora Nisa memohon mahkamah menjatuhkan hukuman berat dengan mengambil kira pertalian darah antara tertuduh dan mangsa.

Beliau berkata, tertuduh sebagai bapa saudara tidak seharusnya melakukan kesalahan itu memandangkan lelaki itu pernah menikmati kemanisan berumahtangga.

Menurutnya, mangsa juga akan mengalami trauma sepanjang hidupnya akibat kejadian berkenaan.

Sementara itu, katanya, mahkamah harus melihat bahawa terdapat penggunaan senjata dalam kes itu.

Berdasarkan keterangan saksi pendakwaan, tertuduh mengugut mangsa dengan mengatakan kanak-kanak itu akan dihalang bertemu bapanya jika tidak mahu menyerahkan tubuhnya.

Selain itu, seorang rakan tertuduh turut melihat kejadian rogol kali kedua yang berlaku di rumah.